



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 22 November 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	25 Tokoh Wanita Dipilih Menerusi Inisiatif PERANTIS 2024 KPWKM https://www.buletintv3.my/nasional/25-tokoh-wanita-dipilih-menerusi-inisiatif-perantis-2024-kpwkm/?fbclid=IwY2xjawGsvspleHRuA2FibQlxMQABHYOd6w2abqyVeOGR9StliV83OPfiRLBr8zKhBQ5XDYLwjlp-ceSaYrIW0Q_aem_UgnYtRr0JjTo6Jo8aBj46A&sfnsn=wa https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2366225 https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2366200 https://thesun.my/malaysia-news/25-women-leaders-selected-for-perantis-2024-grants-nancy-KD13324952 https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/11/13/27069/25-tokoh-wanita-dipilih-menerusi-inisiatif-perantis-2024-kpwkm https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/25-wanita-sertai-perantis/#google_vignette https://www.youtube.com/watch?v=vw0R0bwhUnc https://selangorjournal.my/tag/women-leadership-apprenticeship-programme-perantis/ https://www.tvsarawak.my/2024/11/21/25-tokoh-wanita-dipilih-menerusi-inisiatif-perantis-2024-kpwkm-nancy/	Buletin TV3 Bernama Bernama The Sun Berita Harian Utusan Harian Metro Selangor Journal TV Sarawak	Neutral

	<p>https://headtopics.com/my/25-wanita-sertai-perantis-62270347</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/25-tokoh-wanita-dipilih-menerusi-inisiatif-perantis-2024-kpwkm-nancy-497383</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v= veYHqhDYW4</p> <p>https://seeni.my/article/25-tokoh-wanita-dipilih-menerusi-inisiatif-perantis-2024-kpwkm-nancy-astro-awani-497383</p>	<p>Head Topics</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Seeni</p>	
2.	<p>107 Kanak-Kanak GISBH Disatukan Dengan Ibu Bapa, Kata Menteri</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/21/107-kanak-kanak-gisbh-disatukan-dengan-ibu-bapa-kata-menteri/</p> <p>https://www.hotfm.audio/107-kanak-kanak-gisbh-disatukan-dengan-ibu-bapa-kata-menteri/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/11/21/32452-malaysians-living-in-hardcore-poverty-nationwide/</p>	<p>FMT</p> <p>Hot FM</p> <p>FMT</p>	Neutral
3.	<p>Kpwkm Adakan Sesi Libat Urus, Siap Siaga Hadapi Mtl 2024 – Noraini</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=DbDRpg-aEr4</p> <p>https://umno-online.my/2024/11/21/kpwkm-adakan-sesi-libat-urus-siap-siaga-hadapi-mtl-2024-noraini/</p>	<p>Umno Online</p> <p>Umno Online</p>	Neutral
4.	<p>JKM Beri Sokongan Kepada Lima Beradik Yatim Piatu</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1157406/jkm-beri-sokongan-kepada-lima-beradik-yatim-piatu#google_vignette</p> <p>https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20241122/281621015881676</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Pressreader</p>	Neutral

<p>5.</p>	<p>555 Kanak-Kanak, Remaja Seawal Usia 10 Tahun Hamil Luar Nikah Di Selangor</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/555-kanak-kanak-remaja-seawal-usia-10-tahun-hamil-luar-nikah-di-selangor/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1157550/555-kanak-kanak-remaja-seawal-usia-10-hamil-luar-nikah-exco-wanita-dan</p> <p>https://thesun.my/malaysia-news/selangor-records-1354-out-of-wedlock-teenage-pregnancies-from-2023-to-sept-2024-CD13323357#google_vignette</p> <p>https://www.bernama.com/en/news.php?id=2366114</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2024/11/21/lebih-500-remaja-kanak-kanak-perempuan-seawal-usia-10-tahun-hamil-luar-nikah-di-selangor</p> <p>https://international.astroawani.com/malaysia-news/selangor-records-1354-outwedlock-teen-pregnancies-2023-sept-2024-497355</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/11/21/dun-selangor-usia-10-tahun-sudah-hamil-luar-nikah/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1326864/555-kanak-kanak-remaja-seawal-usia-10-tahun-hamil-luar-nikah-di</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Sun</p> <p>Bernamea</p> <p>Majoriti</p> <p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p>	<p>Neutral</p>
<p>6.</p>	<p>JKM Disaran Sedia Perkhidmatan Jagaan Kanak-Kanak Untuk Wanita B40</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2024/11/21/jkm-disaran-sedia-perkhidmatan-jagaan-kanak-kanak-untuk-wanita-b40</p>	<p>Majoriti</p>	<p>Neutral</p>
<p>7.</p>	<p>40 Mangsa Termasuk 21 Kanak-Kanak Terperangkap Kepala Air</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697931/berita/semasa/40-mangsa-termasuk-21-kanak-kanak-terperangkap-kepala-air#google_vignette</p>	<p>Sinar Harian</p>	<p>Neutral</p>

	<p>https://www.buletintv3.my/nasional/kepala-air-guru-kanak-kanak-tadika-terperangkap-dalam-gua-berjaya-diselamatkan/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1157663/39-guru-kanak-kanak-tadika-terperangkap-kepala-air-di-gua-ikan-diselamatkan#google_vignette</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2024/11/21/insiden-kepala-air-kuala-krai-40-guru-dan-kanak-kanak-tadika-terperangkap-dalam-gua-diselamatkan-bomba</p> <p>https://selangorkini.my/2024/11/21-kanak-kanak-antara-40-terperangkap-kepala-air-di-dabong/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/21/bomba-selamatkan-40-mangsa-termasuk-21-kanak-kanak-terperangkap-kepala-air-di-dabong/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/bomba-selamatkan-40-mangsa-termasuk-21-kanak-kanak-terperangkap-kepala-air-di-dabong-OD13323904</p> <p>https://siakapkeli.my/2024/11/21/bomba-selamatkan-40-mangsa-termasuk-21-kanak-kanak-terperangkap-kepala-air-di-dabong</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>Majoriti</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Malaysia Gazetet</p> <p>The Sun</p> <p>Siakap Keli</p>	
8.	<p>Selangor Terus Bela Kebajikan Wanita, Kanak-Kanak Di Pusat Kebajikan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697901/edisi/selangor-kl/selangor-terus-bela-kebajikan-wanita-kanak-kanak-di-pusat-kebajikan</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
9.	<p>3 Beranak Maut, Bayi Parah Motosikal Rempuh Lori</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2024/11/1157691/3-beranak-maut-bayi-parah-motosikal-rempuh-lori</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/11/21/tiga-maut-bayi-parah-motosikal-rempuh-lori/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/697947/berita/semasa/3-beranak-maut-bayi-parah-dalam-kemalangan</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2366159</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/tiga-sekeluarga-maut-bayi-berusia-setahun-terseleamat/#google_vignette</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-cedera-ibu-bapa-kakak-maut-kemalangan-di-lebuhraya-duke/#google_vignette</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-beranak-maut-bayi-setahun-selamat-dalam-kemalangan-di-lebuhraya-duke-497370</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=i-mUnMvhGl8</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1327024/bayi-cedera-ibu-bapa-kakak-maut-kemalangan-di-lebuhraya-duke</p> <p>https://selangorkini.my/2024/11/tiga-beranak-maut-bayi-selamat-kemalangan-di-lebuhraya-duke/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Bernamea</p> <p>Utusan</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea TV</p> <p>Berita Harian</p> <p>Selangor Kini</p>	
10.	<p>Polis Minta Bantuan Orang Ramai Kesan Remaja OKU Hilang</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-minta-bantuan-orang-ramai-kesan-remaja-oku-hilang-497358</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2366078</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/oku-card-holder-reported-missing-in-kuala-terengganu</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/697922/berita/semasa/hampir-sebulan-erma-fatima-hilang</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/polis-mohon-bantuan-orang-ramai-jejaki-remaja-perempuan-oku-hilang/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1157593/rema-ja-oku-hilang-selepas-ke-tandas>

Harian Metro

UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my f @kpwkm v kpwkmchannel



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

25 TOKOH WANITA DIPILIH MENERUSI INISIATIF PERANTIS 2024 KPWKM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menyampaikan poster Antigangguan Seksual kepada Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan Media Prima, Farrah Naz Karim (dua kiri) pada majlis Sepetang bersama Persatuan Wartawan Wanita Malaysia di Hotel Premiera. NSTP

KUALA LUMPUR: Seramai 25 tokoh wanita yang berkecuali daripada pelbagai latar belakang dipilih untuk menerima geran peruntukan menerusi Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS) 2024.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata ia bagi membolehkan tokoh wanita terbabit menjalankan program pembangunan kepimpinan dalam bidang masing-masing.

Beliau berkata kesemua tokoh yang terpilih itu akan diberikan sijil dan geran peruntukan pada 27 November ini.

“Selepas program itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan kita sebarkan melalui media sosial, ramai berminat di mana lebih 4,000 permohonan diterima.

“Namun tahun ini kita mengiktiraf seramai 25 selepas dipilih oleh panelis terkemuka di Malaysia,” katanya ketika berucap pada Majlis Sepetang Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama pengamal media wanita Malaysia yang dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA) di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KPWKM, Farah Adura Hamidi; Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM, Chua Choon Hwa, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Abdul Shukor Abdullah; Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Puan Hanani Sapit dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Wan Noraidah Wan Mohd Zain.

Pengurusan tertinggi media yang turut hadir adalah Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan Media Prima, Farrah Naz Abd Karim; Pengarang Berita Kanan Berita Harian (BH) merangkap Presiden PERTAMA, Sariha Mohd Ali dan Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Nur-ul Afida Kamaludin.

Pada sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac lalu, Perdana Menteri mengumumkan inisiatif RM5 juta bagi memperkasa kepemimpinan wanita melalui bimbingan tokoh wanita berjaya.

Pada masa sama, Nancy berkata, pihak kementerian tidak terbabit dalam pemilihan tokoh wanita dalam program PERANTIS, sebaliknya ia dipilih oleh panel antaranya Tan Sri Idris Jala.

Beliau berkata, PERANTIS yang mengiktiraf peranan tokoh wanita dalam pelbagai bidang antaranya politik, ekonomi dan sosial.

Katanya, besar harapannya untuk melihat lebih ramai tokoh wanita dalam politik kerana kekurangan pembabitkan golongan terbabit dalam bidang berkenaan.

“Walaupun PERANTIS bukan kepentingan politik sahaja, namun turut membabitkan ekonomi dan sosial tetapi saya hendak melihat dalam politik sebab kalau kita tidak buat, siapa lagi hendak buat.

“Kita mahu tengok penyertaan lebih banyak wanita lagi kerana program ini akan berterusan pada tahun hadapan,” katanya.

Dalam konteks media, Nancy berkata, pihaknya sedia bekerjasama untuk mengeratkan lagi hubungan antara media khususnya melalui PERTAMA dan kementerian.

Beliau berkata, mengenai cadangan mewujudkan tabung kebajikan bagi membantu ahli PERTAMA dan media wanita di negara ini, Nancy berkata, perkara itu boleh diperhalusi kelak.

Terdahulu, Nancy menyerahkan plak antigangguan seksual kepada 20 pengamal media wanita sebagai simbolik untuk media memainkan peranan menyebarkan inisiatif antigangguan seksual.

Sementara itu, dalam usaha memerangi gangguan seksual dalam kalangan pengamal media wanita, Sariha, berkata perkara sedemikian harus dilaporkan serta-merta dan diambil tindakan sewajarnya.

“Kita bertugas di luar dan berhadapan dengan banyak pihak, memang tidak dinafikan ada juga ahli-ahli media yang menghadapi gangguan seksual.

“Perkara ini seharusnya tidak berlaku sebab kita sebagai barisan hadapan, kita tahu benda ini adalah satu kesalahan yang tak perlu dilakukan, jadi kita sama-sama beringat tindakan sedemikian boleh didakwa dan kita sebagai golongan media akan sebarkan maklumat seperti ini untuk pengetahuan orang ramai,” katanya.

Dalam ucapannya, Sariha mencadangkan KPWKM mewujudkan tabung kebajikan khas bagi membantu mana-mana ahli PERTAMA yang kurang bernasib baik termasuk mereka yang berdepan masalah kesihatan.

Beliau turut mencadangkan diwujudkan insurans khas media wanita dengan skim lebih menarik.

PERTAMA ditubuhkan pada 1971 oleh Allahyarhamah Azah Aziz atau nama sebenar Sharifah Azah Syed Mohammad Alsagoff dan merupakan persatuan media tertua membabitkan petugas media wanita di negara ini.

107 KANAK-KANAK GISBH DISATUKAN DENGAN IBU BAPA, KATA MENTERI

PETALING JAYA: Seramai 107 kanak-kanak diselamatkan daripada rumah amal terkait Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) telah disatukan semula dengan ibu bapa atau keluarga, setakat semalam.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Nancy Shukri, berkata semua kanak-kanak itu telah diberikan bantuan asas psikologi iaitu Psychological First Aid (PFA), berupa sistem sokongan psikososial awal dan praktikal dalam situasi krisis.

“PFA bukannya sesi kaunseling atau intervensi psikiatri, tetapi merupakan pendekatan psikologi berasaskan kepada membina harapan positif serta memberi ruang kepada kanak-kanak agar rasa difahami dan didengari,” katanya dalam jawapan bertulis Parlimen.

Pada September, polis menyelamatkan lebih 400 kanak-kanak antara setahun hingga 17 tahun dipercayai dieksploitasi di rumah amal terkait GISBH. Serbuan mendedahkan dakwaan pengabaian dan penderaan.

Beberapa pimpinan tertinggi GISBH antara 58 ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (Sosma), manakala ketua pegawai eksekutifnya, Nasiruddin Ali, dan 20 lain dituduh menjadi ahli kumpulan jenayah terancang sejak 2020.

JKM BERI SOKONGAN KEPADA LIMA BERADIK YATIM PIATU



Khairin-Nisa (kanan) menziarahi kediaman nenek lima beradik yatim piatu dan menyerahkan bantuan makanan di Flat Taman Cendana di sini. NSTP ihsan EXCO

Pasir Gudang: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan bantuan sewajarnya terhadap lima beradik yang kehilangan ibu bapa dalam kemalangan jalan raya akibat dirempuh pemandu dipercayai di bawah pengaruh alkohol pada Sabtu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri Khairin-Nisa Ismail berkata, bantuan termasuk sokongan psikologi dan intervensi yang diperlukan anak-anak arwah berusia tiga hingga 17 tahun.

Menurutnya, JKM dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) akan memastikan kesemua anak-anak yatim piatu berkenaan meneruskan alam persekolahan mereka.

"Anak sulungg arwah iaitu perempuan mempunyai status orang kurang upaya (OKU) dan kita akan beri intervensi secara inklusif serta berterusan.

"JKM membuat jadual pemantauan kaunseling kepada kanak-kanak ini untuk kembali bersekolah. Disebabkan rumah nenek mereka dihuni oleh 11 ahli keluarga, JKM sedang mengatur untuk intervensi kanak-kanak dan keluarga ini.

"Anak bongsu arwah berusia tiga tahun sudah didaftarkan ke Pusat Asuhan Kanak-Kanak di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim (YPKDT)," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Khairin-Nisa yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Serom berkata, JKM akan terus membantu lima beradik yatim piatu berkenaan tanpa mengetepikan keperluan mereka.

Katanya, kerajaan negeri menerusi JKM juga memberikan bantuan kecemasan sebanyak RM300 kepada mereka pada hari kejadian.

"Arwah ibu kepada anak-anak itu juga penerima Bantuan Kanak-Kanak JKM berjumlah RM800 sebulan, dan bantuan ini akan diteruskan kepada nenek dan datuk yang memelihara lima beradik ini.

"JKM juga sudah membuat permohonan mahkamah untuk melantik datuk dan neneknya sebagai Orang Yang Layak dan Sesuai (OYLS) untuk memelihara dan menjaga kanak-kanak ini," katanya.

Pada kejadian kira-kira 4 pagi, Mohd Ridzwan Mohd Rudi, 37, dan isteri Linda A. Abd Aziz, 35, maut selepas Honda Vario dinaiki mereka dirempuh kenderaan di Jalan Besar/Jalan Mesjid, di sini.

Pasangan itu meninggalkan lima anak iaitu Nur Aleesha Aindah, 17, (OKU) dan Muhammad Ikmal Danish Abdullah, 15, serta Nur Shahkira, 14; Nur Shahmira, 12, dan Nur Aisyah Humairah, 3.

555 KANAK-KANAK, REMAJA SEAWAL USIA 10 TAHUN HAMIL LUAR NIKAH DI SELANGOR



EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari. – FOTO: NSTP

SHAH ALAM: Sejumlah 555 kanak-kanak dan remaja dilaporkan hamil luar nikah dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini di Selangor, termasuk ada yang berusia seawal 10 tahun.

Statistik untuk tempoh antara Januari hingga September lalu itu didedahkan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Anfaal Saari, berdasarkan maklumat Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS).

“Statistik remaja hamil luar nikah bagi negeri Selangor untuk 2023 adalah 799 kes, manakala setakat September lalu mencatatkan 555 kes.

“Bagi pecahan kategori mengikut umur, sebanyak 13 kes bagi individu berumur 10 hingga 14 tahun, 15 hingga 17 tahun (157 kes) dan 18 hingga 19 tahun (385 kes).

“Kerajaan negeri memandang serius isu ini terutama apabila melibatkan kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun,” katanya ketika Penggulangan Usul Rang Undang-Undang Perbekalan 2025 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor hari ini.

Menurut Anfaal, tahun ini kerajaan negeri sudah melaksanakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

“Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada kanak-kanak dalam aspek keselamatan serta perlindungan kanak-kanak daripada gangguan seksual.

“Program ini sudah dilaksanakan 12 siri iaitu 11 di sekolah semua daerah di negeri Selangor, manakala satu di program di Pusat Aktiviti Kanak-kanak PPR HICOM,” katanya.

Beliau berkata, bagi mendapatkan maklum balas dan merangka cadangan solusi lebih komprehensif bersama pelbagai pemegang taruh, kerajaan negeri memulakan rangka kerja awal bagi melaksanakan perbincangan meja bulat Menangani Isu Remaja Hamil Luar Nikah.

“Ini akan dilaksanakan pada suku pertama 2025 melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS) dengan kerjasama JKM negeri dan Persatuan Kebajikan Bayt Al-Rahmah,” katanya.

Selain itu kerajaan negeri melaksanakan Program KASIH Keibubapaan Digital dengan kerjasama LPPKN Selangor bagi mendedahkan ibu bapa dengan pengetahuan dan kemahiran.

“Usaha ini bertujuan mendidik anak-anak mengenai kaedah penggunaan teknologi digital selamat serta melindungi anak-anak dari pengaruh media sosial yang tidak sihat.

“Terdapat 10 siri dilaksanakan di seluruh daerah dan 300 peserta daripada kalangan ibu bapa mendapat manfaat,” katanya.

POLIS MINTA BANTUAN ORANG RAMAI KESAN REMAJA OKU HILANG



Azli berkata Erma Fatima kali terakhir dilihat ketika bersarapan bersama keluarganya di sebuah restoran di Batu Buruk. - Gambar Bernama

KUALA TERENGGANU: Polis meminta bantuan orang ramai bagi mengesan seorang remaja perempuan orang kurang upaya (OKU) yang dilaporkan hilang sejak 25 Okt lepas.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu ACP Azli Mohd Noor berkata Erma Fatima Shamsul Bahari, 17, kali terakhir dilihat ketika bersarapan bersama keluarganya di sebuah restoran di Batu Buruk, di sini.

Beliau berkata remaja itu memaklumkan hendak ke tandas namun tidak kembali dan pencarian ibu bapanya di sekitar kawasan berkenaan juga gagal menemui mangsa yang tidak memiliki telefon bimbit.

"Bapa mangsa telah membuat laporan polis pada 26 Okt lepas dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Besar itu masih belum ditemui sehingga kini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Azli berkata pada hari kejadian pemegang kad OKU kategori ketidakupayaan itu memakai baju berlengan panjang dan tudung berwarna hitam selain berketinggian 155 sentimeter.

"Sesiapa yang mempunyai maklumat boleh menghubungi Inspektor Azizul Azizah di talian 013-4195779," katanya.

-- BERNAMA